# PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU, KUALA TERENGGANU.

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL 2/1984.**

PEMILIKAN DAN PEREZABAN TANAH - KEGUNAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN.

Arahan ini dikeluarkan untuk merarik perhatian tuan kepada perbincangan dan keputusan yang telah dibuat semasa mesyuarat Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di Bilik GerakanPejabat Daerah Besut pada 16hb. dan 17hb. Februari,1983.

2. Keputusan yang dibuat adalah:-

8. Agenda vii - Kertas Perbincangan Bil. 4/83
Pemilikan Tanah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

8.1. Keputusan yang dibuat setelah dibincang perkara ini ialah:-

i) Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah menggunakan budibicara dalam menentukan projek mana yang seharusnya direzab di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara dan yang mana harus diberi hakmilik. Panduan yang dapat dibuat ialah jika tanah ituhendak digunakan sebagai kemudahan awam sewajarnyalah direzab di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara dengan Pegawai Daerah sebagai Pegawai yang menjaga. Bagi tujuan perniagaan, adalah lebih baik diberi meilik kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

3. Dengan adanya keputusan di atas, adalah jelas bahawa tanah yang ingin direzab di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara tidak boleh dijagai oleh BUKAN Pegawai Awam. Oleh yang demikian Yang Di Pertua Sebuah Pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh dilantik sebagai Pegawai Penjaga.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TENGKU SERI INDERA RAJA)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

Edaran:

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat,
   Setiusaha Kerajaan,
   Terengganu.

2. Yang Berhormat,
   Penasihat Undang-Undang Negeri,
   Terengganu.

3. Penolong Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran).

4. Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan).

5. Semua timbalan/Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

6. Ketua-Ketua Unit.

Fail: PTG. TR. 13/66/1 Jld.3

Tarikh: 29hb. Oktober, 1984.
Bersamaan: 7hb. Muharram, 1405.